

Pinda akta benarkan guru Gred DG48, ke atas aktif kesatuan

Oleh [Zatul Iffah Zolkipli](#) - April 24, 2022 @ 4:37pm
bhnews@bh.com.my

CHUKAI: Kerajaan akan meminda peruntukan dalam akta berkaitan bagi membolehkan guru Gred DG48 dan ke atas yang tidak terbabit pentadbiran, aktif dalam kesatuan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata ia susulan rayuan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) agar kebenaran itu diberikan kepada golongan berkenaan.

"Saya sudah menghubungi Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, agar perkara ini dipinda semula supaya guru yang tidak terbabit pentadbiran, boleh berkesatuan.

"Saya percaya mereka yang terbabit pentadbiran yang boleh mempengaruhi keputusan dan sebagainya, bawah akta pun memang tidak dibenarkan.

"(Namun) Seperti yang saya sebutkan, kerajaan hari ini komited untuk bersama-sama dengan pekerja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Pampasan Bekas Pekerja Perwaja Steel Sdn Bhd, di Dewan Pejabat UMNO Bahagian Kemaman, di sini, hari ini.

Pada majlis itu, seramai 709 bekas pekerja Perwaja Steel yang ditamatkan perkhidmatan pada November 2014, menerima pampasan antara RM3,000 hingga RM21,000, membabitkan nilai pampasan keseluruhan sebanyak RM8.645 juta.



Ismail Sabri menyampaikan pampasan kepada bekas pekerja Perwaja Steel, hari ini. - NSTP/GHAZALI KORI